

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 64**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dasar Kerajaan berkenaan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta pembinaan untuk memastikan pembangunan ekonomi secara keseluruhan tidak terjejas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar semasa Kerajaan mengenai penggajian pekerja ialah memberi keutamaan pekerjaan kepada pencari kerja tempatan. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja tempatan tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja di dalam sektor-sektor yang dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing khususnya pekerja asing kurang mahir.

## SOALAN NO: 64

2. Pada masa ini, Kerajaan membenarkan pihak majikan untuk mengajikan pekerja asing dalam sub sektor restoran dan pembinaan. Pengambilan pekerja asing di bawah sektor-sektor ini adalah berlandaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dari segi *ratio* pengambilan, pematuhan undang-undang, kesahihan permohonan dan majikan serta sebagainya. Kerajaan juga telah bersetuju untuk membuka semula dasar penggantian pekerja asing melalui *Check Out Memo (COM)* yang akan membolehkan majikan mendapat gantian pekerja asing yang telah pulang ke negara asal tanpa perlu melalui proses permohonan pekerja asing yang baharu.
3. Pembukaan semula dasar ini adalah mengambil kira faktor-faktor kepentingan dan daya saing industri dalam memastikan operasi perniagaan berjalan lancar dan pencapaian eksport negara tidak terjejas akibat kekurangan tenaga kerja. Di samping itu, langkah ini juga akan membantu mengurangkan beban pihak industri dari segi masa dalam membuat permohonan pekerja asing serta menjimatkan kos dalam membawa masuk pekerja asing baharu.
4. Sungguhpun begitu, Kerajaan menegaskan bahawa penggajian pekerja asing mestilah dilihat sebagai satu langkah jangka pendek di mana kebergantungan terhadap mereka mestilah dikurangkan secara progresif. Setiap pengusaha restoran mestilah memiliki pelan penggantian atau *exit strategy* jangka masa pertengahan dan jangka masa panjang seperti mengajikan pencari kerja tempatan melalui penawaran pakej gaji, insentif kewangan dan faedah-faedah pekerjaan yang menarik, latihan kemahiran, perluasan penggunaan teknologi IBS dalam industri pembinaan dan melaksanakan kaedah perkhidmatan layan diri (*self-service*) di restoran.